

**STATUS PENGUATKUASAAN AKTIVITI TENAGA ATOM (BAGI MAKSUD BUKAN PERUBATAN) DI BAWAH AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 (AKTA 304) TAHUN 2015**


**PENCAPAIAN PENGUATKUASAAN AKTA 304**

**Aktiviti Pemeriksaan**

Pada tahun 2015, sejumlah 981 pemeriksaan telah dilaksanakan ke atas pemegang lesen dan bukan pemegang lesen mengikut pecahan iaitu sebanyak 672 adalah pemeriksaan berkala, 302 adalah pemeriksaan mengejut dan 7 melibatkan pemeriksaan ulangan. Kesemua pemeriksaan ini telah dilaksanakan melebihi bilangan sasaran yang telah ditetapkan iaitu 843 sasaran pada tahun 2015. Hanya sebanyak 0.7% sahaja pemeriksaan yang memerlukan pemeriksaan ulangan bagi mengesahkan pematuhan akta 304 diambil tindakan oleh pemegang lesen daripada jumlah keseluruhan pemeriksaan yang telah

dilakukan. Graf 1 dibawah menunjukkan bahawa bilangan pemeriksaan yang dilakukan mengikut jenis pemeriksaan bagi tahun 2011 hingga 2015. Permeriksaan berkala yang dilaksanakan adalah meningkat setiap tahun disebabkan oleh pertambahan bilangan lesen yang akan tamat dan juga peningkatan bilangan lesen baru. Pada tahun 2015 bilangan pemeriksaan mengejut berkurangan berbanding tahun 2014. Penurunan ini adalah sebanyak 14% (43 pemeriksaan) berbanding tahun 2014. Ini disebabkan oleh pengurangan sebanyak 7% bilangan permohonan melakukan kerja-kerja radiografi industri di kawasan awam.

**Graf 1: Bilangan Pemeriksaan yang dilakukan pada tahun 2011 – 2015**



Pemegang lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom (Akta 304) adalah terdiri daripada syarikat-syarikat atau agensi kerajaan yang menjalankan aktiviti atau amalan seperti pemprosesan sinaran atau sel penyinaran, radiografi industri, tolok sinaran, bahan radioaktif yang wujud secara semulajadi (Naturally Occuring Radioactive Materials, NORM) atau dipertingkatkan melalui teknologi (Technologically Enhanced Naturally Occuring Radioactive Materials, TENORM), penjualan dan penyelidikan manakala bukan pemegang lesen adalah syarikat-syarikat berdaftar dan mendapat pengecualian daripada peruntukan Akta 304 seperti kilang amang kecil dan penangkap kilat.


### Permohonan Kebenaran

Pada tahun 2015, sejumlah 7274 permohonan kebenaran telah diterima dan diproses (Graf 2). Sebanyak 43.5%

jumlah permohonan kebenaran meningkat pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 (5070 kebenaran) mengikut pecahan seperti graf di bawah. Permohonan kebenaran pemberhentian pekerja meningkat sebanyak 41 % pada tahun 2015 berbanding tahun-tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor terutamanya faktor kewangan syarikat iaitu:

- Syarikat telah memberhentikan pekerja mereka sebagai pekerja sinaran contohnya syarikat Malaysia Airports Sdn. Bhd.
- Penamatan projek Asian Rare Earth pada tahun 2015 menyebabkan banyak permohonan pemberhentian pekerja sinaran dikemukakan.
- pemegang lesen memohon untuk membatalkan lesen kerana tidak mahu berurusan dengan aktiviti tenaga atom.

**Graf 2: Bilangan Kebenaran Bagi Tahun 2011 Hingga 2015**



### Siasatan dan Tindakan Perundangan


Pada tahun 2015, sebanyak 46 kes siasatan telah dijalankan dengan pecahan sebanyak 32 kes terhadap pemegang lesen, 2 kes bukan pemegang lesen (Syarikat memiliki radas penyinaran tanpa memiliki lesen yang sah) dan 12 kes terhadap pekerja sinaran seperti yang ditunjukkan dalam Graf 3. Siasatan dilakukan bertujuan untuk mendapatkan bukti dan maklumat lengkap bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh pemegang lesen, pekerja sinaran atau mana-mana orang di bawah Akta 304.

Pada tahun 2015 sebanyak 63 tindakan perundangan telah diambil terhadap pemegang lesen yang melakukan kesalahan di bawah Akta 304 dan perundangan subsidiari yang dibuat


dibawahnya mengikut pecahan seperti dalam Graf 4.

Bagi kesalahan yang dilakukan oleh pekerja sinaran, sebanyak 215 tindakan perundangan yang telah dikenakan terhadap pekerja sinaran pada tahun 2015 manakala sebanyak 701 tindakan perundangan yang telah dikenakan terhadap pekerja sinaran pada tahun 2014 seperti Graf 5. Penurunan sebanyak 69% tahun 2015 berbanding tahun 2014. Penurunan ini disebabkan oleh pada pertengahan tahun 2015 Penasihat Undang-Undang memaklumkan bahawa tindakan perundangan tidak boleh diambil terhadap pekerja sinaran yang melakukan kesalahan di bawah Akta 304 kerana tiada punca kuasa untuk mengambil tindakan tersebut.


**Graf 3: Bilangan Siasatan yang dilakukan sepanjang tahun 2011 hingga 2015**



**Graf 4: Bilangan Tindakan Perundangan Terhadap Pemegang Lesen bagi Tahun 2011 hingga 2015**



**Graf 5: Tindakan Perundangan Terhadap Pekerja Sinaran Tahun 2011 hingga 2015**




### Aduan Berkaitan Aktiviti Tenaga Atom

Pada tahun 2015, sebanyak 17 aduan berkaitan aktiviti tenaga atom telah diterima (Rujuk Graf 6). Kebanyakan aduan yang diterima adalah berkaitan dengan melakukan aktiviti radiografi industri di kawasan awam tanpa mengikut prosedur, bahan radioaktif disimpan di tempat yang tidak diluluskan

dan ketidakpuashati pekerja terhadap majikan. Kesemua aduan ini telah selesai diambil tindakan. Daripada jumlah ini, sebanyak 6 aduan telah dirujuk ke Seksyen Siasatan & Pendakwaan untuk siasatan lanjut kerana disyaki melanggar Akta 304 dan perundangan subsidiari yang dibuat dibawahnya.

**Graf 6: Aduan Aktiviti Tenaga Atom Tahun 2011 hingga 2015**



---

Sumber rujukan: LPTA: LEM/MAK/261 Tamb 3.